

<b>Headline</b>	Berlibur Di Hutan FRIM		
<b>MediaTitle</b>	Kosmo		
<b>Date</b>	16 Apr 2015	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	Kosmo 2	<b>Circulation</b>	218,251
<b>Page No</b>	29to31	<b>Readership</b>	654,753
<b>Language</b>	Malay	<b>ArticleSize</b>	2371 cm <sup>2</sup>
<b>Journalist</b>	FARID AHMAD TARMIJI	<b>AdValue</b>	RM 30,397
<b>Frequency</b>	Daily	<b>PR Value</b>	RM 91,191



**KHAMIS 16 APRIL 2015**

# Horizon

LIBURAN HUJUNG MINGGU

TREK PALING-BAHAYA DIBUKA SEMULA 32

BERGEMBIRA DI GOLD COAST AUSTRALIA 36

## Berlibur Di Hutan FRIM

<b>Headline</b>	<b>Berlibur Di Hutan FRIM</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Kosmo</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Date</b>	<b>16 Apr 2015</b>	<b>Circulation</b>	<b>218,251</b>
<b>Section</b>	<b>Kosmo 2</b>	<b>Readership</b>	<b>654,753</b>
<b>Page No</b>	<b>29to31</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>2371 cm<sup>2</sup></b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 30,397</b>
<b>Journalist</b>	<b>FARID AHMAD TARMIJI</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 91,191</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>		



Keindahan alam semula jadi yang terdapat di FRIM memberikan ketenangan dan kesegaran buat para pengunjung.

Oleh FARID AHMAD TARMIJI  
farid.ahmad@kosmo.com.my

**R**IMBUNAN pokok yang tinggi menjulang ke langit dan tiupan angin sepoi-sepoi bahasa bagi menyambut ketibaan setiap pengunjung sebaik menjajakan kaki ke Kawasan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong, Selangor.

Pemanduan selama setengah jam meredah kesibukan ibu kota menuju ke FRIM ternyata berbaloi buat Nur Hayati Mond. Rawa, 28, apabila dia berpeluang menghirup udara pagi yang segar di kawasan itu.

Air terjun Sungai Kroh yang berada dalam kawasan taman hutan tersebut merupakan salah satu destinasi tumpuan bagi individu yang ingin mencari kedamaian di hutan rimba pada hujung minggu.

"Suasana di kawasan air terjun ini amat segar dan menenangkan minda. Bunyi-bunyi unggas dan deruman air terjun ternyata memberikan satu ketenangan buat saya," ujar perekra grafik di sebuah syarikat swasta itu.

Menurut Nur Hayati, dia sering mengunjungi kawasan air terjun itu jika ada kelapanagan bagi menghilangkan tekanan bekerja.

"Setiap kali datang ke FRIM, saya akan mendaki bukit atau berbasikal terlebih dahulu sebelum menuju ke kawasan air terjun ini bagi menyegukkan badan. Air di sini bersih, nyaman dan ia mampu menghilangkan kepenatan setelah mendaki," katanya.

"Lokasi air terjun sesuai untuk mereka yang berkeluarga mandi-

manda kerana kawasan ini selamat manakala aliran airnya tidak terlalu deras," ujarnya.

Tambah Nur Hayati, sesiapa yang mengunjungi FRIM pasti berasa aman dan tenang kerana kehijauan alam semula jadinya.

"Kehijauan taman hutan ini meninggalkan kesan yang mendalam kepada para pengunjung terutamanya bagi mereka yang sering terperangkap dengan kesibukan kerja," ujarnya.

Kawasan bekas lombong itu berubah menjadi pusat penyelidikan perhutanan sejak tahun 1929 dan kini, ia antara santuari tumbuhan hidup tertua dan terpenting dunia.

Kedudukan yang terletak kira-kira 16 kilometer dari pusat bandar Kuala Lumpur itu menjadikannya sebagai destinasi popular bukan sahaja dalam kalangan warga tempatan tetapi pelancong asing. Mereka mahu bersantai pada hujung minggu bagi menikmati kepelbagaiannya dan keunikan flora serta fauna.

## Aktiviti riadah

Selain menikmati keindahan flora dan fauna, pelbagai aktiviti riadah boleh dilakukan oleh orang ramai antaranya berjogging, berbasikal, mendaki bukit dan bermandi manda.

FRIM terletak di kawasan seluas hampir 500 hektar di Hutan Simpan Bukit Lagong, Kepong.

Pada Februari 2009, ia telah diwartakan sebagai Taman Warisan Semula Jadi di bawah Akta Warisan Kebangsaan (Akta 645). Dianggarkan terdapat kira-kira 15 juta pokok terpelihara di FRIM.



<b>Headline</b>	<b>Berlibur Di Hutan FRIM</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Kosmo</b>		
<b>Date</b>	<b>16 Apr 2015</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Kosmo 2</b>	<b>Circulation</b>	<b>218,251</b>
<b>Page No</b>	<b>29to31</b>	<b>Readership</b>	<b>654,753</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>2371 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>FARID AHMAD TARMIJI</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 30,397</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 91,191</b>

dibahagikan kepada 2,500 spesies yang berlainan.

Sementara itu, Luqmanul Hakim Mohd. Jonid, 19, yang berasal dari Skudai, Johor menyatakan semula jadi yang terdapat di FRIM memberikan satu ketenangan dan kesegaran buatnya.

Pelajar di Kolej Matrikulasi Selangor itu memberitahu, dia teruja walaupun baru pertama kali menjelajakan kaki ke situ.

Menurutnya, kawasan itu umpama muzium hidup yang menyimpan pelbagai khazanah hutan dan tumbuhan yang jarang dapat dilihat.

"Apabila saya menjelajakan kaki ke dalam kawasan ini, saya seolah-olah berada dalam hutan hujan"



LUQMANUL HAKIM



NUR HAYATI



KEHIJAUAN taman hutan ini pasti meninggalkan kenangan indah.

Khatulistiwa yang sebenar.

"Terdapat pokok-pokok menjulang tinggi sehingga tumbuhan rendah bak lantai hutan terdapat di sini. Ia ibarat sebuah penerokaan ke alam semula jadi yang lengkap," ujarnya.

Tambahnya, selain menjadi tempat riadah, kawasan itu mampu menanam rasa kecintaan terhadap pentingnya usaha pemeliharaan alam sekitar kepada pengunjung.

"Sangat penting kawasan seperti ini dikekalkan bagi tujuan pendidikan dan penyelidikan supaya semua spesies hutan dapat di dokumentasikan untuk generasi akan datang.

"Perlu juga diingatkan, hutan

adalah antara elemen penting dalam mengimbangi ekosistem alam," katanya.

Sementara itu, Luqmanul Hakim berkata, FRIM merupakan lokasi ideal untuk seseorang menenangkan fikiran di samping dapat melakukan aktiviti riadah.

"Banyak aktiviti riadah boleh dilakukan di sini. Kemudahan yang disediakan oleh pihak FRIM juga amat mesra dengan pengunjung," katanya.

#### Prasarana

FRIM kini dilengkapi pelbagai kemudahan berbanding sedekad lalu, malah kawasan itu sudah banyak berubah.

Pelbagai kemudahan

infrastruktur dan prasarana disediakan untuk para pengunjung dan atas sebab itu, ia menjadi tumpuan dalam kalangan warga kota bagi melakukan pelbagai aktiviti riadah.

Bagi mereka yang baharu pertama kali ke sini, tidak sah sekiranya enggan mencuba pengalaman penjelajahan ke puncak pokok di Titian Kanopi.

Terletak antara puncak Bukit Lagong dan Bukit Hari, laluan sepanjang 150 meter itu dibina pada tahun 1992 dengan ketinggian 30 meter.

Dikenakan sedikit bayaran, pengunjung berpeluang melihat keindahan panorama yang terdapat di sekelilingnya.

Terdapat tiga pondok yang disediakan untuk pengunjung berhati-hati dan merakam detik-detik indah sepanjang laluan tersebut.

Jika bernasib baik, pengunjung mungkin dapat melihat aksi nakal beberapa spesies monyet dan burung liar yang terbang bebas di udara.

Bagi mereka yang ingin berbasikal di sekitar FRIM, perkhidmatan menyewa basikal turut disediakan.

Perkhidmatan tersebut dikenakan bayaran pada kadar yang amat berpatutan dan hanya disediakan pada hari Sabtu dan Ahad dari puluk 8 pagi sehingga 6 petang.



<b>Headline</b>	<b>Berlibur Di Hutan FRIM</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Kosmo</b>		
<b>Date</b>	<b>16 Apr 2015</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Kosmo 2</b>	<b>Circulation</b>	<b>218,251</b>
<b>Page No</b>	<b>29to31</b>	<b>Readership</b>	<b>654,753</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>2371 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>FARID AHMAD TARMIJI</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 30,397</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 91,191</b>

# Menjaga kepentingan ekosistem hutan

KEDUDUKAN Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang terletak di pinggir bandar Kuala Lumpur dianggap sebagai tangki oksigen kepada penduduk ibu kota.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod berkata, hutan merupakan satu warisan alam yang penting kerana ia menyimpan khasanah yang berharga dalam menjamin kelestarian alam semula jadi.

Menurutnya, salah satu kepentingan hutan ialah membekalkan gas oksigen ke atmosfera yang diperlukan oleh manusia dan haiwan. Tanpa hutan,

ketidakseimbangan iklim boleh berlaku dan ia akan menjadikan kehidupan manusia sezajat.

"Bagi pengunjung yang menjelaskan kakinya ke FRIM, mereka bukan sahaja boleh melakukan aktiviti riadah semata-mata tetapi meneroka ilmu hutan dengan mengenali tumbuhan-tumbuhan yang ada di sini."

"Di sini, kami memelihara dan memulihiar lebih 15 juta pokok serta tumbuh-tumbuhan hutan yang terdiri daripada 2,500 spesis yang berlainan. Daripada jumlah itu, lebih 20 peratus merupakan spesis yang terancam di Malaysia," ujarnya



ABDUL LATIF

ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Dalam pada itu, FRIM turut merasmikan projek Forest Digital bagi merekod dan mendokumentasi spesies serta saiz pokok-pokok yang terdapat di hutan Malaysia.

Abdul Latif berkata, projek yang diperkenalkan pada tahun 2012 itu merupakan hasil kerjasama dengan sebuah syarikat yang pakar dalam bidang perhutanan dan pemetaan hutan secara digital iaitu Cube Global Sdn. Bhd.

Ia dijangka dapat memberikan manfaat kepada semua pihak.

"Melalui pelaksanaan Projek Forest Digital FRIM ini, kami dapat mengenal pasti sama ada pokok dalam sesebuah kawasan hutan itu

sesuai untuk ditebang atau tidak.

"Menerusi kaedah ini juga, kami boleh mengetahui kesan sistem air bawah tanah, alam sekitar dan ekosistem jika pokok itu ditebang," ujarnya.

Tambahnya, tujuan projek tersebut dilaksanakan adalah untuk menjaga kepentingan ekosistem hutan.

"Semua flora dan fauna hidup dalam hutan. Jadi, jika sesuatu pokok itu ditebang secara sebarangan, ia akan menjadikan kitaran hidupan itu.

"Penebangan secara haram perlu dibendung supaya tragedi banjir kilat seperti yang berlaku di Cameron Highlands, Pahang tidak berulang," katanya.